

23/11/1998

Apec mampu laksana pakej EVSL: Rafidah

SIDANG Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) Kuala Lumpur tidak hanya sekadar platform kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota, tetapi turut mengiktiraf usaha Malaysia memperjuangkan soal kawalan perdagangan mata wang. Namun, adakah itu saja pencapaian forum ekonomi itu? Wartawan Berita Harian, Wan Sabariah Shikh Ali dan Nurul Adlina Kamaludin menemui Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, bagi mendapatkan pandangannya.

Adakah Datuk Seri berpuas hati dengan pencapaian di sidang Apec Kuala Lumpur?

Saya puas hati kerana kita berjaya mencapai sasaran utama yang ditetapkan. Pertama, masalah Skim Liberalisasi Awal Secara Sukarela (EVSL) dapat diselesaikan dengan baik tanpa menjejaskan kepentingan mana-mana pihak. Ini kerana ia diterima secara sukarela. Oleh itu, apabila kita berupaya mengambil kira kepentingan Jepun, Amerika Syarikat dan ekonomi negara lain dalam satu pakej, maka kita sebenarnya dah mencapai matlamat.

Saya sebenarnya agak risau pada awalnya jika tiada apa pun dapat dicapai pada sidang kali ini. Tetapi, dengan adanya EVSL itu, kita sebenarnya ada pakej yang boleh dilaksanakan dalam Apec dan boleh dibawa ke Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi mendapat lebih banyak sokongan, bermakna kita sudah capai sasaran. Malaysia juga sebagai tuan rumah, dapat menjaga air muka Jepun dan Amerika Syarikat.

Kedua, kita ada sasaran untuk merumuskan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana, Pelan Tindakan Kemahiran dan blue print perdagangan elektronik dan rangka kerja yang memberi manfaat kepada Malaysia dalam bidang multimedia dan pentadbiran kastam. Secara langsung, ini mendatangkan manfaat kepada sektor perniagaan kita. Lebih membanggakan, semua ini berjaya kita sudahkan di Kuala Lumpur dan ini sebenarnya adalah usaha yang kita perjuangkan.

Bagaimana pula dengan soal perdagangan mata wang yang ternyata menjadi isu utama?

Ya, ini juga sebenarnya adalah antara sasaran utama lain yang dapat dicapai pada sidang kali ini. Pada peringkat sidang kemuncak misalnya, saranan supaya isu kawalan mata wang dan mengadakan sistem kawal selia perdagangan mata wang dan sistem kewangan antarabangsa diwujudkan segera, sudah menjadi topik utama.

Malah, jelas sekali perbincangan lain yang diadakan turut berkait rapat dengan isu berkenaan.

Kita dapat mengenal pasti apa lagi yang boleh dilakukan bukan saja di kalangan negara anggota, tetapi juga negara bukan Apec seperti kumpulan G-22 dan G-7. Jika dilihat, kita sebenarnya dah berganjak ke depan untuk meneliti apa lagi yang boleh dicadangkan dalam Apec. Ini kerana, dalam Apec misalnya, kita tak boleh membuat keputusan untuk mengadakan mekanisme ini kerana itu tugas peringkat antarabangsa. Kita hanya setakat memberi cadangan dan kajian yang kemudiannya harus dikemukakan kepada masyarakat antarabangsa melalui Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Apec tiada kuasa kerana kita terhad kepada 21 ekonomi saja.

Jika cadangan Apec ini baik seperti yang dirumuskan pada peringkat Menteri Kewangan dan dapat input G-22, maka jawatankuasa atau kumpulan teknikal akan bawa semua pendapat secepat mungkin kepada IMF, Bank Dunia dan badan antarabangsa yang berwibawa untuk mengimplementasi dan mewujudkannya.

Datuk Seri mengatakan bahawa isu EVSL dan lainnya perlu dibawa ke peringkat antarabangsa. Jadi, apakah sebenarnya fungsi yang dimainkan Apec?

Pada masa lalu, kerana tiada krisis ekonomi ini, Apec lebih kepada usaha mewujudkan program kerja saja. Ini seperti meningkatkan perdagangan dan keupayaan ekonomi serta memperbaiki kerena birokrasi yang wujud. Tetapi apabila berlakunya krisis, maka kita berpendapat Apec harus membincangkannya.

Apalagi dalam Apec yang turut dianggotai negara ekonomi besar seperti Amerika, Jepun dan negara (kecil) seperti kita. Jika kita tidak peduli, maka tiada siapa yang ambil hairan. Malah, IMF sendiri tidak berbuat apa-apa. Apec harus menekankan aspek ini kerana suara Apec sebenarnya agak kuat dan tidak boleh diketepikan sesiapa dengan mudahnya. Apec perlu bersuara kerana jika tidak, kita sama-sama mendapat kesan buruk ini. Malaysia sendiri bukan setakat melalui forum ini, tetapi di Asean dan G-15 juga turut menyuarakan isu berkenaan.

Bolehkah dikatakan Apec Kuala Lumpur ini sebenarnya mencatat sejarah tersendiri kerana dapat mengutarakan isu secara lebih konkrit jika dibandingkan pada sidang yang lalu?

Pada sidang lalu di Vancouver (Kanada) memang ada dibincangkan isu-isu yang diutarakan pada tahun ini, tetapi ternyata ianya lebih konkrit. Ini boleh dilihat apabila semua negara anggota sependapat dalam pelbagai isu seperti aspek kawal selia perdagangan mata wang seperti disenaraikan dalam deklarasi Apec. Jadi bolehlah dikatakan, Apec kali ini bermakna kerana ia memasuki satu era baru untuk melihat masalah yang menimpa rantau ini mendapat perhatian sewajarnya.

Bagaimana pula dengan masa depan Apec? Adakah ia lebih cerah dengan pelbagai usaha yang konkrit daripada sekadar memberi cadangan semata-mata?

Saya rasa, pengajaran yang boleh kita perolehi daripada krisis kewangan ini ialah jika kita cepat bertindak bersama, maka cepat pula respons yang diperolehi daripada masyarakat antarabangsa. Pengajarannya ialah, jika ada masalah yang sama dirasakan, ia harus segera dibincang bersama dan memberi tumpuan sewajarnya. Janganlah dibiarkan ianya berlarutan sehingga ke tahap serius.

Sungguhpun forum Apec ini tidak formal, kita sebenarnya boleh mengarahkan pegawai dan apa juga bidang kuasa lain dalam Apec untuk bermesyuarat. Oleh itu, saya melihat Apec mempunyai masa depan yang cerah, tetapi dengan syarat ia perlu menggerakkan jenteranya dan menangani apa juga isu penting yang timbul secara serius.

Tetapi Datuk Seri, sejauh manakah usaha atau saranan dalam deklarasi Apec kali ini dapat direalisasikan?

Kita merasakan bahawa dalam mesyuarat Apec akan datang di New Zealand, September tahun depan nanti, sudah seharusnya ada penyelesaian di peringkat antarabangsa. Malulah masyarakat antarabangsa jika satu masalah yang sudah jadi satu masalah global, sengaja dilewat-lewatkan tindakannya. Malah, seolah-olah kita tak serius sedangkan hampir semua merasakan kesan krisis itu termasuk negara kuasa besar sendiri. Kita yang berkuasa mempercepatkan proses itu tetapi tidak berusaha sedemikian akan turut berasa malu jika tidak menolong diri sendiri. Sedangkan kebbaikannya adalah untuk diri sendiri.

Masyarakat antarabangsa juga harus ingat bahawa ini bukannya untuk menolong negara Asia, sebaliknya demi kebaikan diri mereka sendiri. Menolong negara Asia bererti dan akhirnya menolong mereka sendiri.

Adakah Datuk Seri fikir kuasa ekonomi besar seperti Amerika Syarikat dan Jepun menganggap Apec sebagai satu forum serius?

Pada masa-masa lalu, saya dapati mereka ambil serius kalau ia membabitkan kepentingan mereka sehingga sanggup bermati-matian

mempertahkannya. Misalnya, ketika krisis ekonomi ini mula berlaku, mereka menganggap ia hanya krisis Asia Timur.

Kita dituduhnya bersalah dan kita sebenarnya ada kelemahan. Juga kerana kononnya kerajaan tidak cekap dan sebagainya. Tetapi, terbukti bukan itu puncanya. Sebaliknya ia berpunca daripada kegagalan mengawal mata wang dan urus niaga terbabit. Keadaan ini adalah di luar kawalan kita, iaitu perdagangan mata wang dan urus niaga dana lindung nilai yang diselewengkan sehingga tidak dapat dikawal dalam arah aliran mata wang.

Malah, Amerika Syarikat sendiri turut terasa kerana masalah Pengurusan Kredit Jangka Panjang (LCTM) sudah pun jelas membuktikan betapa tiada kawal selia boleh menjatuhkan ekonomi. Mereka terpaksa mengambil langkah segera untuk mempertahankan keruntuhan ekonomi. Maknanya mereka tahu dan sedar dengan menyelesaikan krisis ini, sebenarnya membantu kepentingan mereka.

Sebab itulah saya yakin negara kuasa besar ini serius kerana sudah sedar. Bahkan dalam mesyuarat menteri sekali pun, wakil mereka sudah menyatakan secara terbuka krisis ini turut memberi kesan kepada Amerika Syarikat. Import dari negara Asia sudah membanjiri Amerika Syarikat sedangkan eksport ke negara rantau ini pula menurun dengan banyaknya. Ini bermakna, defisit mereka meningkat sehingga ada syarikat mereka yang memberhentikan kerja berikutan tiada eksport ke sini kerana kuasa beli kita sudah pun kurang. Kita sebaliknya tidak rugi kerana barang kita lebih kompetitif. Keadaan ini tidak boleh dibiarkan lagi dan perlu diselesaikan segera.

Malaysia dianggap sebagai wira dalam usaha memperjuangkan masalah kawalan mata wang dan deklarasi Apec kali ini mengiktiraf usaha berkenaan. Apa komen Datuk Seri?

Memang dari segi ego, ia dilihat sedemikian. Tetapi sebenarnya Malaysia tidak berhasrat begitu kerana apa yang penting ialah kita cuma mahu menzahirkan benda yang hakikat. Ini kerana, ada negara lain yang menghadapi pelbagai masalah tetapi tidak mahu bersuara kerana malu, terhutang budi dan terikat. Atas sebab itulah Malaysia harus berwaspada dengan memastikan kita tidak berhutang budi dan terikat kepada mana-mana pihak sehinggakan sukar mengawal keupayaan, kebebasan untuk menzahirkan perkara yang perlu.

Jika kita terikat dengan pihak tertentu yang ada kepentingan mereka, sudah pasti kita tidak dapat cakap apa-apa pun. Jadi, yang ruginya bukan saja kita tapi dunia. Bagi Malaysia, sungguhpun kita dikecam hebat kerana lantang bersuara mengenai perkara yang dianggap sebagai tidak senonoh dan tidak kena kerana perdagangan mata wang itu berlaku di luar negara. Tetapi, jangan lupa, mereka berniaga duit kita yang mendatangkan kesan teruk kepada kita.

Jadi sekarang, jelaslah bahawa apa yang disuarakan Malaysia selama ini sebenarnya suara terpendam orang lain yang sekarang ini pun sama-sama lantang. Mungkin agak lewat, tetapi yang pentingnya ia disuarakan. Malah, sekarang hampir semua merujuk kepada Malaysia dalam soal mata wang ini. Dulu, mereka takut dikecam.

Adakah semua negara Asean sependapat dengan Malaysia?

Ya, semua negara Asean sependapat bahawa perlu ada mekanisme kawal selia yang efektif dalam pasaran modal jangka pendek yang dana lindung nilai dan perdagangan mata wang.

Apa komen Datuk Seri mengenai tindakan segelintir pihak yang mengkaitkan agenda politik di dalam forum ekonomi seperti Apec?

Apa yang berlaku sekarang ialah globalisasi ekonomi membabitkan usaha terbukanya ekonomi kepada pengaruh ekonomi luar melalui perdagangan, jual beli sesama sendiri, industri dan usahawan asing. Jadi, kaitan itu sudah terbuka dan jangkauan ekonomi kini sudah lagi tidak terhad. Ia menular

pula melalui rangkaian dan medium perdagangan, lobi dan agenda politik. Contohnya apabila orang bercakap mengenai liberalisasi dan membuka pasaran. Pada zahirnya membuka pasaran menguntungkan peniaga. Malaysia sendiri, dari segi prinsipnya kita memang terbuka. Tetapi apabila konsep liberalisasi itu digunakan cara memperkuat agenda politik, ia sudah diselewengkan. Malah, ada yang berkata jika kita tidak buka pasaran, mereka akan buat cara itu dan ini. Siapa yang liberal disokong, siapa tidak, akan ditentang.

Malaysia jelas liberal dalam soal ini. Malah setiap tahun kita turunkan cukai termasuk tarif 77 jenis barangan dan perkhidmatan yang diturunkan tahun ini. Kita memang bersikap liberal tetapi perlu mengikut kemampuan sendiri. Takkanlah kita hendak bertindak demikian sedangkan pada masa yang sama, menjejaskan pula kepentingan rakyat tempatan. Konsep itu perlu ikut keupayaan kita.

Tetapi ada pihak yang mahu ia dibuka tanpa mempedulikan kesannya. Contohnya dalam soal EVSL ini, pihak tertentu memaksa Jepun membuka pasaran tanpa memikirkan rakyatnya. Sedangkan kalau rakyat Jepun hilang kepercayaan, kerajaan jatuh. Bagi mereka jika kerajaan itu degil, harus dijatuhkan.

Pihak ini sudah lama nak suruh kita buka pasaran dalam perkhidmatan kewangan. Tetapi, nampaknya kerajaan yang ada sekarang ini degil kerana kita sering bagi pelbagai alasan untuk menolak permintaan mereka.

Jadi bila kita degil, harus dijatuhkan. Kerana itulah datangnya agenda politik untuk berbuat demikian. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agak degil dan ini yang mereka tidak suka. Kita tahu ini semua. Saya tahu misalnya di luar negara, Datuk Seri Anwar Ibrahim dianggap simbol liberal sedangkan dia mempelopori dasar kita yang buka ikut kemampuan. Itu yang dilakukannya di sini. Tak tahulah jika di luar negara, lain pula cerita yang keluar.

Saya terkejut besar bila dia (Anwar) dianggap simbol liberal sedangkan dia mewakili kita. Dia bekas Menteri Kewangan. Tetapi orang tafsir lain sedangkan ini tidak timbul kerana inilah dasar kerajaan selama-lamanya. Ada cara untuk melaksanakan semua ini dan perlu ikut saluran yang betul. Malah, tujuan kita pertahankan ini semua kerana kepentingan rakyat lebih utama. Apa gunanya pasaran terbuka jika kesudahannya memusnahkan industri kecil dan sederhana.

Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore misalnya sudah diperalatkan dengan datang ke sini membawa mesej untuk melemahkan kerajaan 'degil' kita. Dia tahu ramai rakyat Malaysia yang juga penyokong reformasi itu sebenarnya tidak faham soal ekonomi ini. Dia gunakan cara itu dengan mempolitikkan forum ini dan ini tidak harus berlaku.

Adakah benar-benar boleh dipisahkan forum ekonomi dan politik?

Kedua-duanya mesti dipisahkan. Dalam arena domestik memang tidak boleh berkenaan rapat kerana apa yang kita buat untuk faedah rakyat. Bila mereka hargai, barulah kerajaan itu diterima. Kalau susahkan, tentu rakyat tak sokong.

Tetapi dalam Apec, kita tiada agenda politik sesiapa pun untuk diketengahkan. Jadi kita harus terus kepada ekonomi kerana itu adalah landasan utama penubuhannya dulu. Malah, saya berasa geli hati bila membaca banyak artikel yang mengatakan kaitan politik dalam Apec. Jika hendak berpolitik, maka itu di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Di situlah tempatnya. Dalam Asean memang ada agenda politik kerana ia ditubuhkan sebagai entiti politik. Asean menentang apa-apa isu yang menentang Asean, itu politik. Tapi politik Asean, bukannya politik Malaysia. Tapi orang tak faham.

Amerika Syarikat faham ini semua kerana itu dia cuba menyerapkan politiknya. Dia hendak paksa Apec membincangkan soal politik kerana mahu

kita memakai politiknya. Politik cara Papua New Guinea, Peru atau Malaysia dia tidak berminat. Inilah yang kita tentang. Seperti yang saya cakap kepada wakil New Zealand, ini perlu ditentang.

Kita khawatir jika tekanan seterusnya dari mereka adalah kepada sektor swasta. Sedangkan kalau dilihat, keadaan politik Amerika sendiri yang bersifat survival itu juga tidak stabil.

(END)